RINGGIT

RAKAN KEWANGAN ANDA

EDISI
OKT
2016



Tip Untuk Mulakan Perniagaan Dalam Talian



Kenali Perbankan Islam Anda



Pelaksanaan Skim Ombudsman Kewangan

Urus niaga mata wang asing (Forex) Haram

ISSN 2180-3684

GABUNGAN PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA MALAYSIA
FOMCA

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Urus niaga mata wang asing (Forex) Haram

Urus niaga mata wang asing haram adalah merujuk kepada aktiviti membeli atau menjual mata wang asing antara orang persendirian atau syarikat dalam Malaysia dengan mana-mana individu yang tidak diberi kuasa atau kebenaran oleh Bank Negara Malaysia (BNM) di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 atau Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

Adalah menjadi suatu kesalahan jika seseorang individu di Malaysia membeli atau menjual mata wang asing *(forex)* atau melakukan apa-apa tindakan yang melibatkan, berhubung dengan, atau persediaan untuk, membeli atau menjual mata wang asing dengan mana-mana orang, selain daripada peniaga yang dibenarkan *(authorised dealer)*.

Di bawah Akta ini juga, adalah satu kesalahan untuk seseorang itu membantu atau bersubahat dengan orang lain untuk membeli atau menjual mata wang asing dengan mana-mana orang, kecuali orang tersebut ialah peniaga yang dibenarkan.

Senarai peniaga dan institusi kewangan yang dibenarkan oleh Pengawal Pertukaran Wang Asing untuk membeli atau menjual mata wang asing boleh didapati di laman sesawang BNM di pautan: *http://www.bnm.gov.my/index.php?ch=en_hyperlink&pg=en_hyperlink_index&ac=57&lang=en*

Modus Operandi

Tipu helah syarikat-syarikat tidak bertanggungjawab yang menawarkan skim urus niaga mata wang asing haram termasuklah melalui:



- Penawaran jawatan kosong dengan menjanjikan pendapatan lumayan kepada graduan-graduan lepasan ijazah, khususnya golongan muda.
- Tawaran pelaburan melalui internet dengan pulangan keuntungan yang lumayan demi menarik orang ramai untuk melabur dalam *forex*.

Ciri-ciri penipuan pelaburan Forex

Orang ramai dinasihati agar sentiasa peka dengan kes-kes penipuan melibatkan pelaburan *forex.* Syarikat terbabit sering menggunakan modus operandi yang dikenal pasti seperti berikut:

- Menawarkan kepada pelabur atau orang awam peluang untuk berurus niaga mata wang asing dengan syarikat induk *(yang kononnya mempunyai lesen sah untuk berurus niaga mata wang asing di luar negara)*.



"Orang ramai dinasihati agar sentiasa peka dengan kes-kes penipuan melibatkan pelaburan *forex*."

- Memudahkan urus niaga mata wang asing dengan menyediakan akses kepada laman sesawang syarikat induk dan kemudahan urus niaga melalui internet.
- Menggaji lepasan siswazah, terutamanya golongan muda, sebagai eksekutif pemasaran dan mempengaruhi mereka supaya menyertai dan seterusnya memujuk ahli keluarga mereka untuk turut membuat pelaburan *forex*.
- Mengarahkan pelabur-pelabur untuk mendeposit wang pelaburan sama ada ke dalam akaun bank syarikat induk atau akaun bank pihak ketiga.
- Mempengaruhi pelabur-pelabur untuk menambah jumlah pelaburan *(panggilan margin)* atau menghadapi risiko kehilangan pelaburan mereka.

Pengendali skim mata wang asing haram akan cuba meyakinkan bakal-bakal pelabur dengan strategi pasaran yang menjanjikan pulangan segera dan tinggi:

- Melalui penampilan imej yang profesional dan bereputasi dengan barisan pekerja yang berpakaian segak, keadaan pejabat yang bercirikan teknologi tinggi dan kemudahan IT yang terkini yang memudahkan

Sidang Redaksi

Penasihat
YBhg. Prof Datuk Dr. Marimuthu Nadason
Presiden FOMCA

Ketua Sidang Pengarang
Dato' Paul Selva Raj

Editor
Mohd Yusof bin Abdul Rahman

Sidang Pengarang
Siti Rahayu binti Zakaria
Mandeep Singh
Shabana Naseer Ahmad

Ringgit merupakan penerbitan usaha sama di antara Bank Negara Malaysia dan FOMCA. Ia diterbitkan pada setiap bulan. Untuk memuat turun Ringgit dalam format "PDF", sila layari laman sesawang www.fomca.org.my dan www.bnm.gov.my

Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7876 2009
Faks : 03-7877 1076
E-mel : fomca@fomca.org.my
Sesawang : www.fomca.org.my

Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Tel : 03-2698 8044
Faks : 03-2174 1515

Diurus terbit oleh:
Pusat Penyelidikan dan Sumber Pengguna (CRRC)
No. 4, Jalan SS1/22A
47300 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel : 03-7875 2392
Faks : 03-7875 5468
E-mel : info@crrc.org.my
Sesawang : www.crrc.org.my

Dicetak oleh:
فرچيتقكن اساس جاى (ملیسیا) سندرن برحد
Percetakan Asas Jaya (M) Sdn Bhd
No. 5B, Tingkat 2, Jalan Pipit 2
Bandar Puchong Jaya
47100 Puchong Jaya
Selangor Darul Ehsan

Artikel yang disiarkan dalam Ringgit tidak semestinya mencerminkan pendirian dan dasar Bank Negara Malaysia atau FOMCA. Ia merupakan pendapat penulis sendiri.

pelabur-pelabur untuk mengendalikan akaun-akaun mereka melalui internet;

- Dengan peralatan urus niaga, seperti suatu skrin berita yang menunjukkan pergerakan dalam kadar pertukaran untuk memberi gambaran bahawa sesuatu perniagaan yang profesional dan sah di sisi undang-undang sedang dijalankan; dan
- Kebiasaannya, pelabur juga dikehendaki untuk menandatangani satu kontrak urus niaga dengan syarikat. Kontrak-kontrak ini sering tidak ditandatangani oleh syarikat. Ini bermakna tiada tindakan boleh diambil oleh pelabur terhadap syarikat kerana tiada kontrak formal yang mengikat.

Bagaimanakah untuk melindungi diri daripada terjebak dengan skim seperti ini?

- Sesuatu yang menguntungkan tetapi seakan terlalu mustahil untuk diterima akal, berkemungkinan besar merupakan satu penipuan;
- Berurusan hanya dengan institusi kewangan berlesen dan peniaga mata wang asing yang diberi kuasa;
- Semak terlebih dahulu dengan pihak berkuasa yang berkaitan;
- Jangan gopoh atau membiarkan diri dipaksa untuk melabur;
- Berhati-hatilah dengan pelaburan yang dibuat melalui internet;
- Berwaspada dengan sebarang peluang pelaburan yang tidak bertulis; dan
- Jika suatu pelaburan telah dibuat, simpan kesemua dokumen yang berkaitan dengan pelaburan dan komunikasi dengan selamat.

Apakah yang perlu anda lakukan sekiranya anda menjadi mangsa skim seperti ini?

Jika anda mempunyai sebarang maklumat mengenai aktiviti pengambilan wang secara haram atau urus niaga mata wang asing secara haram atau anda sendiri adalah mangsa kepada aktiviti atau skim haram seumpamanya tersebut, sila hantar maklumat lanjut atau aduan anda berserta dengan dokumen berkaitan kepada Bank Negara Malaysia seperti berikut:

Jabatan LINK dan Pejabat Wilayah
Bank Negara Malaysia
Jalan Dato' Onn
50480 Kuala Lumpur
Faksimili: 03-21741515
Telefon: 1-300-88-5465
E-mel: bnmtelelink@bnm.gov.my

BNM akan membuat penilaian ke atas modus operandi yang dijalankan oleh pihak terbabit dan sekiranya terdapat elemen-elemen yang melanggari mana-mana peruntukan di bawah Akta yang ditadbir oleh BNM, pihak BNM akan mengambil tindakan sewajarnya keatas pihak terbabit.

Walau bagaimanapun, sekiranya modus operandi yang dijalankan tidak menunjukkan wujudnya perniagaan pelaburan *forex* maka aktiviti tersebut mungkin lebih menjurus kepada aktiviti penipuan yang menggunakan *forex* sebagai tarikan. Untuk kes yang melibatkan penipuan, ianya adalah tertakluk di bawah bidangkuasa **Polis DiRaja Malaysia (PDRM)** dan orang ramai adalah dinasihatkan untuk membuat aduan terus kepada PDRM untuk tindakan mereka sewajarnya.

Sumber : Bank Negara Malaysia

" ... dengan peralatan urus niaga, seperti suatu skrin berita yang menunjukkan pergerakan dalam kadar pertukaran untuk memberi gambaran bahawa sesuatu perniagaan yang profesional dan sah di sisi undang-undang sedang dijalankan."





Tip Untuk Mulakan Perniagaan Dalam Talian

Dengan kelebihan teknologi, anda kini boleh menambah pendapatan melalui perniagaan secara dalam talian. Ketahui tip penting serta produk yang sesuai untuk membantu anda memulakan perniagaan dalam talian.

Produk Yang Sesuai Untuk Perniagaan Dalam Talian

Dalam apa jua perniagaan, pemilihan produk penting untuk menentukan kejayaan perniagaan tersebut. Berikut adalah senarai produk yang sesuai untuk perniagaan dalam talian:

a) Barangan Fesyen

Ramai yang gemar membeli produk fesyen secara dalam talian kerana ia mudah dengan pelbagai pilihan dan harga yang menarik ditawarkan. Oleh itu, anda boleh menawar barangan fesyen untuk dijual secara dalam talian bermula dengan barangan yang sering dipakai. Contohnya, pakaian harian, tudung dan aksesori tudung. Kebarangkalian barangan ini dapat dijual dengan jayanya adalah lebih tinggi.



b) Makanan

Sekiranya anda mempunyai minat memasak dan peka dalam menyediakan makanan yang digemari ramai, anda boleh menceburi perniagaan makanan secara dalam talian. Anda boleh mengambil kesempatan pada musim perayaan untuk menyediakan kuih / biskut raya serta manisan. Selain itu, bagi manisan seperti kek dan kuih muih, ia tidak tertumpu kepada musim perayaan sahaja. Sekiranya anda mempunyai pelbagai jenis makanan dengan resepi yang unik, anda bakal menerima tempahan sepanjang tahun untuk majlis hari jadi, kenduri dan majlis keramaian lain.

c) Produk *Dropship*

Dropship bermaksud anda akan menjual produk tanpa perlu membeli atau menyimpan stok. Caranya ialah, anda perlu mendaftar menjadi orang tengah sebagai *dropship* untuk sesuatu produk. Selepas anda mempromosikan produk tersebut dan anda berjaya menerima tempahan, anda akan membuat tempahan dari pembekal dan menghantar produk tersebut kepada pelanggan. Anda perlu berunding dengan pembekal untuk mendapatkan harga borong yang lebih murah untuk menjana keuntungan sebagai ejen *dropship*, dengan menjual produk tersebut pada harga yang tinggi sedikit dari harga borong.

Pelbagai produk boleh dijual melalui *dropship*, seperti tudung, gajet, barangan kosmetik dan banyak lagi. Paling penting, anda mesti berupaya untuk mencari produk yang berpotensi dan berkualiti supaya ia boleh mendapat sambutan di pasaran. Sekiranya anda tidak mahu membeli stok, maka perniagaan dalam talian secara *dropship* adalah sesuai untuk anda ceburi.

d) Perkhidmatan atau Kemahiran

Sekiranya anda bekerja sebagai pelukis, jurugambar, pembaik pulih telefon bimbit ataupun tukang paip, anda juga boleh menawarkan perkhidmatan atau kemahiran anda di laman sesawang ataupun laman sosial sebagai kerja sampingan.

Anda hanya perlu memastikan anda mempunyai masa yang cukup untuk mengendalikan kerja sampingan tersebut, selain daripada kerja sepenuh masa. Melalui laman sesawang, seperti *www.Mudah.my*, anda boleh memasarkan kemahiran anda dengan harga yang berpatutan.

Platform Untuk Mulakan Perniagaan Dalam Talian

a) Media Sosial

Platform media sosial, seperti Facebook serta Instagram, adalah pilihan yang baik sekiranya anda baru sahaja bermula. Platform ini percuma, dan anda boleh mengambil kesempatan untuk menggunakan *#hashtag* yang bersesuaian untuk memasarkan produk anda. Ingat, jangan menggunakan media sosial peribadi anda untuk menjual produk. Buka akaun khas untuk perniagaan dalam talian anda, kemudian jemputlah rakan untuk "*like*" dan "*follow*". Hal ini akan memudahkan anda untuk mengasingkan penggunaan peribadi dan perniagaan serta lebih mudah untuk anda bina rangkaian pelanggan.



b) Laman Sesawang

Memasarkan produk anda melalui laman sesawang akan melibatkan kos. Sekiranya anda mempunyai modal untuk mengupah '*web programmer*', anda boleh mempertimbangkan untuk mendapatkan laman sesawang anda sendiri. Tetapi ia lebih baik sekiranya anda mula memasarkan produk anda



melalui platform percuma, seperti yang dinyatakan di atas.

Sekiranya perniagaan anda mula berkembang, anda boleh mendapatkan laman sesawang sendiri. Anda juga boleh bermula melalui blog. Kemudian anda boleh mendapatkan domain anda sendiri setelah perniagaan semakin kukuh dan bajet perniagaan anda berupaya untuk menampung kos tersebut.

Tip Tambahan

a) Daftar Perniagaan Anda

Mendaftar perniagaan dalam talian anda merupakan satu kewajipan. Selain itu, anda juga boleh mempertingkatkan keyakinan pelanggan serta bakal pelanggan apabila perniagaan anda berdaftar kerana mereka tidak akan rasa was-was dan ragu ditipu dan akan rasa lebih terjamin. Anda boleh daftar perniagaan dalam talian di kaunter Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) ataupun secara dalam talian di laman sesawang, www.ssm.com.my.

b) Modal Ikut Kemampuan

Anda tidak perlu mengambil pinjaman peribadi atau berhutang hanya untuk memulakan perniagaan dalam talian. Mulakan perniagaan anda mengikut kemampuan kerana melalui cara ini, anda boleh mengurangkan hutang dan untung yang anda akan dapat itu adalah bersih.

Setelah perniagaan sudah mula kukuh, anda boleh pertimbangkan untuk mengambil pinjaman untuk mengembangkan perniagaan tersebut. Untuk mendapatkan pinjaman peribadi yang terbaik, anda boleh membandingkan produk yang ditawarkan oleh institusi perbankan.

Sumber : www.CompareHero.my

KENALI PERBANKAN ISLAM ANDA

Akaun Pelaburan

Disediakan oleh: Jabatan Perbankan Islam dan Takaful, Bank Negara Malaysia

Akaun Pelaburan memberi anda peluang untuk melabur dan berkongsi keuntungan daripada aktiviti pelaburan berlandaskan Shariah yang ditawarkan oleh bank-bank Islam.



Ciri Utama Akaun Pelaburan

1 Unik
Ditawarkan secara eksklusif oleh bank-bank Islam

2 Pilihan
Melabur dalam sektor ekonomi pilihan anda

3 Bank sebagai Rakan anda
Pelaburan anda diurus secara profesional oleh bank-bank Islam

4 Perkongsian Untung
Pulangan atas pelaburan akan dikongsi dengan anda sebagai pelabur

5 Prinsip pulangan berdasarkan risiko
Produk ini bukan deposit dan tidak dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM)

Ciri khusus Akaun Pelaburan bergantung pada kontrak yang dipilih dalam penawaran:

i. Mudarabah
Perkongsian untung dan penanggungan rugi

ii. Musyarakah
Perkongsian untung dan rugi

iii. Wakalah
Perwakilan

Pelaburan Alternatif

Pelaburan Dana *Unit Trust*	- Pelaburan boleh dilakukan sama ada secara tunai atau melalui pengeluaran Akaun 1 KWSP[1] - Terdapat hampir 200 pilihan dana patuh Shariah tersedia dalam pasaran
Takaful Berkaitan Pelaburan *Investment Linked Takaful*	- Sebahagian sumbangan takaful dilaburkan di dalam unit pelaburan di samping sumbangan untuk perlindungan - Amaun dan jenis unit pelaburan dipilih oleh peserta - Nilai pelaburan berdasarkan harga unit semasa dan dimiliki oleh individu peserta
PRIVATE RETIREMENT SCHEMES (PRS)	- Skim pelaburan persaraan swasta di samping simpanan wajib KWSP - Pelepasan cukai sehingga RM 3,000 setahun - Terdapat lapan institusi menawarkan PRS [2]

Simpanan Alternatif

SSPN-i	- Simpanan mendapat jaminan daripada Kerajaan - Pelepasan cukai sehingga RM 6,000 setahun - Perlindungan takaful percuma [3]
	- Simpanan mendapat jaminan Kerajaan dan dikecualikan cukai - Zakat simpanan dibayar oleh pihak Tabung Haji - Bonus istimewa diberikan kepada pendeposit yang belum menunaikan Haji [4] - Peluang menunaikan haji jika simpanan telah mencukupi

1 Sehingga 20 peratus daripada lebihan "Jumlah Simpanan Wajib" dalam Akaun 1 KWSP boleh dilaburkan
2 https://www.sc.com.my/list-of-prs-providers/
3 Dengan simpanan minimum RM 1,000
4 Terhad kepada kos haji semasa (RM 9,980)



Pelaksanaan Skim Ombudsman Kewangan

"... selaras dengan prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kebolehcapaian, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan."

Pada 28 September 2016 yang lalu, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan bahawa Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) akan memulakan operasi sebagai pengendali skim ombudsman kewangan pada 1 Oktober 2016. Ombudsman Perkhidmatan Kewangan diluluskan oleh Bank Negara Malaysia di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk menyediakan **saluran yang adil dan berkesan bagi pengguna kewangan menyelesaikan pertikaian dengan penyedia perkhidmatan kewangan**.

OPK berperanan sebagai mekanisme bantuan penyelesaian yang bebas dengan formaliti yang minimum bagi pengguna kewangan menyelesaikan pertikaian dengan penyedia perkhidmatan kewangan. Perkhidmatan ini merupakan alternatif kepada pengguna kewangan, dan bukan untuk menggantikan tindakan undang-undang yang diambil di mahkamah. Perkhidmatan Ombudsman untuk Perkhidmatan Kewangan diberikan secara **percuma** kepada pengguna kewangan.

OPK akan beroperasi selaras dengan prinsip kebebasan, keadilan dan kesaksamaan, kebolehcapaian, kebertanggungjawaban, ketelusan dan keberkesanan. OPK ditadbir urus oleh lembaga pengarah yang diketuai oleh YBhg. Tan Sri James Foong, Hakim Mahkamah Persekutuan yang telah bersara dan telah dilantik sebagai Pengerusi Ombudsman Perkhidmatan Kewangan.

Menurut Encik Jeremy Lee, Ketua Pegawai Eksekutif OPK, beliau berkata, "Pelaksanaan skim ombudsman kewangan baharu ini tepat pada masanya. Ia mengukuhkan lagi rangka kerja perlindungan pengguna kewangan dalam persekitaran yang semakin pelbagai serta tawaran produk dan perkhidmatan kewangan yang kompetitif. Bagi mengendalikan skim ini, Ombudsman Perkhidmatan Kewangan menggabungkan pengaturan tadbir urus dan pengendalian yang dipertingkatkan, selaras dengan amalan terbaik antarabangsa bagi menggalakkan penyelesaian pertikaian yang adil, berkesan dan bebas."



Pengguna kewangan boleh merujuk pertikaian yang layak yang melibatkan bank, syarikat insurans, pengendali takaful, institusi kewangan pembangunan, pengeluar instrumen pembayaran yang ditetapkan, broker insurans dan broker takaful serta penasihat kewangan kepada OPK untuk penyelesaian. Pertikaian yang difailkan melalui OPK hendaklah tidak melebihi RM250,000. Had yang lebih rendah terpakai bagi pertikaian mengenai tuntutan insurans motor bagi kerosakan harta pihak ketiga dan urus niaga tanpa kebenaran yang melibatkan instrumen pembayaran dan saluran pembayaran. Maklumat lanjut mengenai pertikaian yang layak yang termasuk dalam skim ombudsman kewangan dan prosedur untuk mengemukakan pertikaian dalam skim ombudsman kewangan boleh didapati di laman sesawang Ombudsman Perkhidmatan Kewangan di *www.ofs.org.my.*

Orang ramai juga boleh menghubungi OPK atau datang semasa waktu pejabat (8.30 pagi hingga 5.30 petang, hari Isnin hingga Jumaat).

Alamat:
Tingkat 14, Blok Utama,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur

Telefon dan Faks:
Tel: 03 2272 2811
Faks: 03 2272 1577
E-mel: enquiry@ofs.org.my

Sumber : www.bnm.gov.my



OFS

OMBUDSMAN FOR FINANCIAL SERVICES

OMBUDSMAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Alternative Avenue For Financial Dispute Resolution

The primary mandate of the Ombudsman for Financial Services (OFS) is to settle disputes between you and our Members who are financial service providers licensed or approved by Bank Negara Malaysia. We are independent, impartial and effective in resolving financial disputes. Our services are provided free of charge.

Saluran Alternatif Untuk Penyelesaian Pertikaian Kewangan

Mandat utama Ombudsman Perkhidmatan Kewangan (OPK) adalah untuk menyelesaikan pertikaian kewangan di antara anda dan Anggota kami yang merupakan penyedia perkhidmatan kewangan yang dilesenkan atau diluluskan oleh Bank Negara Malaysia. Kami menyelesaikan pertikaian kewangan secara bebas, saksama dan efektif. Perkhidmatan kami disediakan secara percuma.



For more information, please contact
Untuk maklumat lanjut, sila hubungi

Ombudsman for Financial Services (664393P)
(Formerly known as Financial Mediation Bureau)

Level 14, Main Block,
Menara Takaful Malaysia,
No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,
50000 Kuala Lumpur

Tel: 603 2272 2811
Fax: 603 2272 1577
Email: enquiry@ofs.org.my
Website: www.ofs.org.my



GANTI TANDATANGAN ANDA DENGAN PIN 6 DIGIT

Memperkenalkan PIN untuk semua kad kredit, debit, caj dan prabayar anda.
Dengan hanya 6 digit, keselamatan kad anda kini lebih terjamin.
Tukar kepada PIN 6 digit yang lebih selamat.

www.pinandpay.com.my

Untuk Pemegang Kad Kredit

Kad kredit PIN baharu anda akan dihantar kepada anda sebelum akhir tahun 2016. Apabila anda menerima kad tersebut, sila ikut arahan yang disertakan dengan kad baharu.

Langkah 1
Aktifkan kad kredit anda dengan serta-merta kerana kad kredit tandatangan lama anda tidak boleh digunakan lagi 3 bulan selepas anda menerima kad kredit PIN baharu anda.

Langkah 2
Pilih PIN 6 digit untuk kad kredit baharu anda dengan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengeluar kad anda.

Langkah 3
Anda boleh mula menggunakan kad kredit baharu anda dengan memasukkan PIN 6 digit anda, secara selamat, di terminal pembayaran kad yang memaparkan logo PIN & BAYAR.

Untuk Pemegang Kad Debit

Pengeluar kad anda akan menghantar kad debit PIN baharu kepada anda, atau anda akan dihubungi untuk mengambilnya dari cawangan bank anda yang terdekat.

Langkah 1
Aktifkan kad debit anda dengan serta-merta kerana kad debit lama anda tidak boleh digunakan selepas suatu tempoh tertentu.

Langkah 2
Pilih PIN 6 digit untuk kad debit baharu anda dengan mengikuti arahan yang diberikan oleh pengeluar kad anda.

Langkah 3
Anda boleh mula menggunakan kad debit baharu anda dengan memasukkan PIN 6 digit anda, secara selamat, di terminal yang memaparkan logo PIN & BAYAR.

PERSATUAN BANK BANK DALAM MALAYSIA
THE ASSOCIATION OF BANKS IN MALAYSIA

PIN & BAYAR
KREDIT. DEBIT. CAJ. PRABAYAR

Association of Islamic Banking Institutions Malaysia

BANK NEGARA MALAYSIA
CENTRAL BANK OF MALAYSIA

Memperkenalkan siri aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia

Ke arah pengguna kewangan yang lebih bijak



Membuat keputusan kewangan bukannya mudah, sama ada anda pelajar, suri rumah, ahli perniagaan atau pekerja. Dengan aplikasi mudah alih baharu Bank Negara Malaysia ini, anda bukan sahaja boleh mendapatkan perkembangan dan maklumat terkini hal-hal kewangan, tetapi juga menggunakan aplikasi untuk merancang dan menguruskan kewangan anda dengan mudah serta menggunakan hak anda sebagai pengguna kewangan.

MyBNM

Dapatkan maklumat dan pengumuman terkini mengenai hal-hal kewangan di dalam negeri dan peringkat global serta amaran penting kepada pengguna berhubung dengan penipuan kewangan.

BNM MyLINK

Saluran berkesan yang menghubungkan pengguna dengan institusi kewangan di Malaysia untuk mengemukakan pertanyaan, mendapatkan nasihat dan membuat aduan.

MyTabung

Aplikasi pemantau belanjawan untuk merancang dan menguruskan kewangan peribadi anda atau isi rumah secara berhemat untuk mencapai matlamat kewangan.

MyRinggit

Ketahui ciri-ciri keselamatan penting dan teknik untuk membezakan wang kertas Malaysia yang asli dengan yang palsu.

Tunggu apa lagi? Dapatkan dan muat turun siri aplikasi mudah alih Bank Negara Malaysia ini dalam Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris secara PERCUMA.

Download on the App Store

ANDROID APP ON Google play